



*Legasi Kepimpinan*

**SEJARAH JABATAN KERJA RAYA  
DALAM PEMBANGUNAN NEGARA**





**LEGASI KEPIMPINAN: SEJARAH JABATAN KERJA RAYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Malaysia. Jabatan Kerja Raya

LEGASI KEPIMPINAN : SEJARAH JABATAN KERJA RAYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

ISBN 978-967-2284-11-6

1. Malaysia. Jabatan Kerja Raya.
2. Public works--Malaysia.
3. Leadership--Malaysia.
4. Administrative agencies--Malaysia.
5. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

352.7709595

Cetakan Pertama 2019



© Jabatan Kerja Raya

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada jabatan Kerja Raya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Ibu Pejabat JKR

Jalan Sultan Salahuddin

50480 Kuala Lumpur



# *Kandungan*

Muka surat

---

<i>Kata Aluan</i>	v
<i>Pengenalan</i>	vi
<i>Kronologi Sejarah JKR</i>	vii
<i>Salasilah Ketua Pengarah JKR</i>	x

---

<b>BAHAGIAN 1 ZAMAN PENTADBIRAN BRITISH</b>	<b>1</b>
<b>Pentadbiran Negeri-Negeri Selat</b>	<b>5 - 9</b>
1. Mejar J. F. A. McNair, R.A.	
2. Mejar Henry Edward McCallum, R E., C.M.G.	
3. Kolonel A. C. Alexander, R.E.	
4. Kolonel Alexander Murray, C.E., Mem. Inst. C.E.	
5. Mr.F. J. Pigott	
6. J.H.W. Park, O.B.E	
7. Harry Venus Towner	

---

<b>Pentadbiran Negeri-Negeri Melayu</b>	<b>10 - 29</b>
1. Mr. F.St.G. Caufeild	
2. Mr. J. Trump	
3. Mr. Robert Ogilvie Newton Anderson, B.A., A.I.B	
4. Mr. W. Eyre-Kenny	
5. Mr. J. Strachan	
6. Mr. C.V.A. Espeut	
7. Lef-Kolonel James Parry Swettenham	

---

<b>Perang Dunia Ke-2 – Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu, Merdeka</b>	<b>30 - 40</b>
1. Mr. G. Sturrock	
2. Mejar R.L. Nunn	
3. Mr. W. Fairley	
4. Mr. G. Edwards	
5. David MacDiarmid	



6. Nankivell Kenneth (Ken Nankivell)
7. R.E. Pitt
8. S.E Jewkes, O.B.E., J.M.N.
9. S.F. Owens

---

<b>BAHAGIAN 2 PENTADBIRAN ANAK WATAN</b>	<b>41</b>
<hr/>	
<b>Penubuhan Malaysia</b>	<b>42 - 55</b>
1. Tan Sri Ir. Haji Yusoff bin Haji Ibrahim	44
2. Ir. Thean Lip Thong	48
3. Tan Sri Dato' Ir. Mahfoz bin Khalid	51
4. Tan Sri Dato' Ir. Hj. Halaluddin bin Mohamed Ishak	53
<hr/>	
<b>Pemodenan Pentadbiran – Dekad 80- 90-an</b>	<b>56 - 73</b>
1. Tan Sri Ir. Haji Mohd Yusoff bin Mohd Yunus	58
2. Dato' Ir. Ho Thian Hock	63
3. Tan Sri Dato' Ir. Talha bin Mohd Hashim	66
4. Tan Sri Dato' Ir. Wan Abd Rahman bin Haji Yaacob	69
5. Tan Sri Dato' Ir. Omar bin Ibrahim	72
<hr/>	
<b>Alaf Baru – Menuju Menara Gemilang</b>	<b>74 - 105</b>
1. Tan Sri Dato' Ir. Haji Zaini bin Omar	76
2. Dato' Sri Ir. Dr. Wahid bin Omar	79
3. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim	83
4. Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor bin Yaacob	86
5. Dato' Ir. Annies bin Md Ariff	90
6. Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain	93
7. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha	97
8. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Osman (April - November 2019)	100
9. Ir. Kamaluddin Haji Abdul Rashid (November 2019 - Kini)	103
<hr/>	
<i>Rujukan</i>	106
<i>Penghargaan</i>	108



## *Kata Muan*

### **KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

**S**aya bersyukur kerana pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) berjaya menghasilkan buku ***Legasi Kepimpinan: Sejarah Jabatan Kerja Raya dalam Pembangunan Negara***. Banyak sejarah penting yang tercatat dalam buku ini. Sumbangan setiap tokoh yang menerajui jabatan ini telah dapat didokumentasikan dengan baik. Secara keseluruhannya ia dapat memberi gambaran umum tentang tanggungjawab yang berjaya dilaksanakan dengan cemerlang oleh JKR.

Pada awalnya institusi ini digerakkan kepimpinannya oleh warga British, tetapi menjelang dekad pertama kemerdekaan negara kita anak tempatan mula mengambil alih tampuk kepimpinan diikuti dengan pengisian pada peringkat pegawai atasan. Ini selaras dengan proses 'Malayanization' yang menyediakan sebuah bangsa merdeka untuk mengurus negaranya sendiri. Mereka telah berjaya menjalankan amanah ini dan mewujudkan kesinambungan perkhidmatan JKR kepada masyarakat dan negara.

Kepimpinan yang baik dan berkesan amat penting dalam menerajui sebuah jabatan besar seperti JKR, dengan ribuan pekerja dan organisasi yang kompleks. Namun begitu kejayaan jabatan ini juga bergantung pada peranan dan sumbangan setiap kakitangan pelbagai peringkat yang berkhidmat dengan cara mereka masing-masing demi mencapai satu matlamat.

Jabatan ini amat terhutang budi kepada mereka sama ada yang telah bersara ataupun masih berkhidmat.

Penerbitan buku ini dilihat dapat memberikan rasa bangga kepada semua warga JKR. Pencapaian dan peranan penting jabatan ini dalam pembangunan negara sejak sekian lama, pasti dapat menyuntik semangat dan iltizam bagi meneruskan legasi ini.

Buku ini tidak mungkin dapat dihasilkan jika simpanan segala dokumen dan rekod tidak diuruskan dengan baik. Ini kerana penyelidikan bagi penulisan buku sudah pasti berasaskan bahan yang tersimpan sama ada di JKR, arkib atau perpustakaan. Pada masa akan datang sudah pasti bahan yang terkandung dalam buku ini dapat ditambah, selaras dengan peredaran masa. Tahniah diucapkan kepada pihak yang terlibat dalam penghasilan buku ini.

Saya berharap buku ini dapat menjadi rujukan kepada warga JKR dan masyarakat awam, untuk mengimbuai sejarah salah sebuah institusi penting dalam pembangunan negara.



**Ir. Kamaluddin Haji Abdul Rashid**  
**Ketua Pengarah Kerja Raya**



## *Pengenalan*

Jabatan Kerja Raya (JKR) memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara. Institusi ini menjadi tonggak penting dalam menggerakkan pembangunan prasarana dan kemudahan awam sehingga perkembangan ekonomi dan sosial berjalan lancar. Ini membolehkan negara menempatkan diri dalam kelompok negara membangun dalam tempoh yang singkat, dengan pelbagai pencapaian yang membanggakan.

Buku ini melihat sumbangan JKR dari sudut legasi kepimpinannya. Sebagai sebuah institusi yang telah melampaui satu abad usianya, sejarah panjang perlu ditelusuri sejak zaman British sehingga ke alaf baru ini. Tanpa menafikan peranan pihak penjajah yang meletakkan asas kepada perkembangan JKR, keupayaan anak watan amat terserlah dalam menanggung amanah besar sejak negara mencapai kemerdekaan. Merekalah yang memantapkan jabatan ini sehingga menjadi sebuah agensi kerajaan yang kompleks dan mampu melaksanakan projek berskala besar dengan kualiti terbaik.

Pencapaian dan pelaksanaan projek di bawah setiap peneraju JKR didokumentasikan dengan mengimbangkan projek dari segi kepentingannya yang pelbagai serta lokasinya yang merata seluruh pelosok negara. Tanggungjawab dan tumpuan seseorang tokoh yang menerajui JKR sudah pasti berbeza. Ia bergantung pada latar masa, tempoh kepimpinannya, serta tuntutan semasa yang memerlukan sesuatu projek dilaksanakan atas tujuan tertentu.

Buku ini ini secara umumnya dapat memberi gambaran berkaitan legasi tokoh yang menerajui JKR pada setiap zaman. Ukuran kejayaan atau kepentingan sesuatu projek itu tidak seharusnya diukur dari segi kos dan saiz fizikalnya, tetapi kecekapan dalam pelaksanaannya serta manfaat projek itu kepada masyarakat. Yang lebih utama apabila legasi yang ditinggalkan menjadi rujukan dan meletakkan tanda aras yang tinggi bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa.



# *Kronologi Sejarah* **JABATAN KERJA RAYA**

## **NEGERI-NEGERI SELAT (Pulau Pinang, Melaka, Singapura)**

**1857**

Mejar J.F.A Mc Nair dilantik sebagai Executive Engineer Kerja Raya dan Penguasa Banduan Negeri-Negeri Selat.

**1867**

Gelaran jawatan ditukar kepada Colonial Engineer dan Penguasa Banduan Negeri-Negeri Selat.

**1870**

Laporan berkaitan Jabatan Kerja Raya (PWD) Melaka dan Pulau Pinang tercatat dalam Laporan Majlis Perundangan.

**1873**

Jabatan Ukur dibawah tanggungjawab Jurutera Kolonial. Jawatannya dikenali sebagai Jurutera Kolonial dan Pengarah Ukur Negeri-Negeri Selat.

## **NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang)**

**1895**

Penubuhan Federated Malay States (F.M.S) Government Factory di Brickfield untuk membekalkan bahan binaan. Bermulanya sejarah Wokshop JKR.

**1901**

Penubuhan Jabatan Kerja Raya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Mr. F. St. G. Caulfield sebagai Pengarah Kerja Raya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang pertama.

## **NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU (Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Johor)**

**1909**

British mengambil alih pentadbiran di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Seorang Penasihat British dilantik di setiap negeri ini.

Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah, dan Johor kenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Seorang Jurutera dipinjamkan bagi menjalankan tugas awam untuk Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.





**1931**

Gelaran Jurutera Kolonial dan Pengarah Ukur ditukar kepada Pengarah Kerja Raya dan Penasihat Kerja Raya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

**1932**

Penubuhan Perkhidmatan Kerja Raya Malaya.

Cawangan Hidrolik Jabatan Kerja Raya, Negeri- Negeri Melayu Bersekutu dijadikan jabatan berasingan dikenali sebagai Perkhidmatan Parit dan Tali Air.

#### **PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (1948-1957)**

**1948**

Penstrukturan Jabatan Kerja Raya yang dikenali sebagai PWD Federation of Malaya, selaras dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

**1949**

Pejabat Jabatan Kerja Raya dipindahkan dari Singapura ke Kuala Lumpur.

**1951**

Bagi memperkemaskan pentadbiran, Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu pada Januari 1951-Jun 1955. Jabatan Kerja Raya di bawah portfolio Ahli Kerja Raya dan Perumahan.

**1955**

Jabatan Kerja Raya diletak di bawah Kementerian Kerja Raya.

**1956**

Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom.



## **PENUBUHAN MALAYSIA (1963)**

### **1963**

Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya, Pos, Tenaga dan Telekom.

Jabatan Kerja Raya Persekutuan Tanah Melayu dikenali sebagai Jabatan Kerja Raya Malaysia.

### **1964**

Jawatan Ketua Pengarah pertama kali disandang oleh anak tempatan, Tan Sri Ir. Haji Yusoff bin Haji Ibrahim.

Logo Jabatab Kerja Raya berwarna kuning dan hitam telah dipilih untuk menjadi identiti bagi jabatan ini.

### **1967**

Nama Jabatan Kerja Raya secara rasminya digunakan bagi menggantikan PWD.

### **1976**

Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam.

### **1983**

Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya.

### **2015**

Menara Kerja Raya, ibu pejabat pentadbiran Jabatan Kerja Raya siap dibina.

- Nota:*
1. NNS : Negeri-Negeri Selat
  2. NNMB : Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
  3. NNMTB : Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
  4. Sebelum tahun 1931, British mewujudkan 2 pentadbiran berasingan yang menguruskan Kerja Raya. Jurutera Jajahan NNS bertanggungjawab bagi NNS. Pengarah Kerja Raya NNMB bertanggungjawab bagi NNMB. Seorang Jurutera dipinjamkan bagi menjalankan tugas untuk NNMTB



# *Salasilah Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya*

## **Kepimpinan Jabatan Kerja Raya di Negeri-Negeri Selat**

**1867 - 1880**

Mejar J.F.A Mc Nair, R.A

**1881 - 1884**

Mejar Henry Edward Mc Callum (memangku jawatan)

**1884 - 1897**

Mejar Henry Edward Mc Callum

**1897 - 1898**

Kolonel A.C. Alexander, R.E.

**1898 - 1909**

Kolonel Alexander Murray, C.E.

**1910 - 1921**

Mr. F. J. Pigott

**1921 - 1926**

J.H.W. Park, O.B.E

**1927 - 1929**

Harry Venus Towner



## SEJARAH JABATAN KERJA RAYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

### Kepimpinan Jabatan Kerja Raya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

**1901 - 1907**

Mr. F. St. G. Caufeild

**1908 - 1914**

Mr. J. Trump

**1915 - 1920**

Mr. Robert Ogilvie Newton Anderson, B.A., A.I.B

**1920 - 1922**

Mr. W. Eyre-Kenny

**1923 - 1924**

Mr. J. Strachan

**1925 - 1927**

Mr. C.V.A. Espeut

**1927 - 1931**

Lef-Kolonel James Parry Swettenham

**1931 - 1935**

Mr. G. Sturrock

**1935 - 1940**

Mejar R.L. Nunn

### Kepimpinan Jabatan Kerja Raya Selepas Perang Dunia Ke-II

**1946 - 1948**

Mr. W. Fairley

**1948 - 1950**

Mr. G. Edwards

**1951 - 1953**

Mr. David MacDiarmid

**1954 - 1957**

Nankivell Kenneth (Ken Nankivell)

**1958 - 1959**

R.E. Pitt

**1959 - 1962**

S.E Jewkes, O.B.E., J.M.N.

**1962 - 1964**

S.F. Owens



**Kepimpinan Jabatan Kerja Raya Selepas Penubuhan Malaysia**

**1964 - 1971**

Tan Sri Ir. Haji Yusoff bin Haji Ibrahim

**1971 - 1974**

Ir. Thean Lip Thong

**1974 - 1977**

Tan Sri Dato' Ir. Mahfoz bin Khalid

**1977 - 1981**

Tan Sri Dato' Ir. Hj. Halaluddin bin Mohamed Ishak

**1981 - 1983**

Tan Sri Ir. Haji Mohd Yusoff bin Mohd Yunus

**1983 - 1985**

Dato' Ir. Ho Thian Hock

**1985 - 1990**

Tan Sri Dato' Ir. Talha bin Mohd Hashim

**1990 - 1996**

Tan Sri Dato' Ir. Wan Abd Rahman bin Haji Yaacob

**1996 - 1999**

Tan Sri Dato' Ir. Omar bin Ibrahim

**1999 - 2005**

Tan Sri Dato' Ir. Haji Zaini bin Omar

**2005 - 2007**

Dato' Sri Ir. Dr. Wahid bin Omar

**2007 - 2011**

Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim

**2011 - 2014**

Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor bin Yaacob

**2014 - 2015**

Dato' Ir. Annies bin Md Ariff

**2015 - 2016**

Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain

**2016 - 2019**

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha

**April - November 2019**

Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Osman

**November 2019 - Kini**

Ir. Kamaluddin Haji Abdul Rashid